

TARIKH	8 1 5 1 2015	SEKSYEN	Setempat
MUKA SURAT	16	RUANGAN	



"Pihak kami hanya beli sebidang tanah bagi bangunkan sebuah pangsapuri"
Johan Abdullah

TH SANGKAL LAPORAN BLOG

Nafi beli 2 plot tanah 1MDB RM772j

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) menyangkal laporan blog mendakwa pihaknya membeli dua plot tanah di pusat kewangan Tun Razak Exchange (TRX) milik 1Malaysia Development Bhd (1MDB) berjumlah RM772 juta.

Sebaliknya, Timbalan Pengerah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Johan Abdullah mengesahkan, pihaknya hanya membeli sebidang tanah bernilai RM188.5 juta dengan nilai RM2,773 sekaki persegi di TRX bagi membangunkan sebuah pangsapuri.

"TH hanya beli satu plot tanah di TRX pada kadar harga diskaun berlandaskan nilai pasaran semasa dan ia dinilai oleh sebuah badan penilai bebas profesional.

"Bagaimanapun kita nantikan pembelian satu lot lagi untuk Signature Tower (Fasa 2) sepertimana mana yang dilaporkan dalam blog tertentu.

"Kebocoran maklumat melalui kertas cadangan tidak boleh dijadikan sebagai bukti keputusan muktamad pelaburan itu diluluskan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Menurut Johan, beliau turut membuat laporan di Balai Polis Dang Wangi semalam dan siasatan dalaman akan dijalankan bagi menyiasat penyebaran maklumat berkaitan TH yang diklasifikasikan sebagai sulit dan menyalahi Akta Tabung Haji 1995 serta polisi dalaman TH.

Mengulas lanjut berkaitan pelaburan pangsapuri 40 tingkat yang akan dibina di atas sebidang tanah ber keluasan 0.63 hektar, Johan berkata keputusan itu selaras dengan strategi pelaburan hartanah TH yang menumpukan kepada sektor domestik.

Katanya, kerja pembinaan pangsapuri membatikan nilai pembinaan bangunan berjumlah RM462 juta dijangka bermula akhir tahun ini yang dibangunkan anak syarikat TH, TH Properties Sdn Bhd.

"Pelaburan ini adalah keputusan komersial yang menepati selera risiko dan menguntungkan. Ia sudah melalui semua proses penilaian dalaman menurut peraturan TH dengan mendapat kelulusan yang betul dan teratur.

"Selepas tiga tahun projek ini siap, jangka nilai pulangannya akan mencecah RM828 juta.

"Kita memberi jaminan, pendeposit tidak perlu risau pelaburan ini tidak akan menjejaskan wang simpanan mereka dalam TH kerana ia berkonsepkan simpanan Wadiah Yad Dhamaanah (pendeposit mengamanahkan TH menyimpan wang serta memberi keizinan TH menguruskan wang mereka)," katanya.

Sebelum ini, isu ini heboh diperkatakan dalam laman sosial selepas sebuah blog memuat naik dokumen TH berkaitan pembelian dua plot tanah di TRX menggunakan wang pendeposit yang disimpan dalam syarikat berkenaan.